


# Keajaiban ALAM

5 Mac 2012, Isnin : 9.40 a.m

## Sirih



Sirih merupakan tumbuhan yang tumbuh atau menumpang hidup di atas pokok-pokok lain. Pada zaman silam, daun sirih merupakan salah satu bahan perubatan tradisional yang digunakan bukan sahaja di Tanah Melayu, tetapi turut digunakan di beberapa buah negara yang lain seperti negara-negara di rantau Asia, India dan Afrika Timur. Daun sirih sering dijadikan penawar bagi pelbagai penyakit seperti penyakit mulut, tekak dan lapisan perut. Di Afrika Timur, daun sirih digunakan bagi mengubati penyakit ulser bernanah. manakala jus daun sirih dikatakan boleh melegakan seklsema dan penyakit radang kerongkong. Di Filipina, daun sirih adalah salah satu alternatif bagi mengubati masalah gastrik dan penyakit paru-paru. Di Kemboja pula, daun sirih yang telah ditumbuk boleh dijadikan sebagai losyen mandian untuk mengubati penyakit-penyakit seperti demam, demam campak dan sebagainya. Sementara di Indonesia pula, daun sirih yang masih segar selalunya akan dicampurkan dengan bahan perubatan yang lain sebagai ransangan antiseptik atau gatal-gatal. Di negara kita, sirih sering dijadikan sebagai bahan untuk menghilangkan bau badan ataupun digunakan dalam beberapa upacara seperti perkahwinan dan sebagainya. Antara lain khasiat daun sirih ini adalah dapat membantu memanaskan badan, mampu menyembuhkan luka pada kulit, penjagaan mulut dan rambut serta berupaya membunuh bakteria, kuman atau kulat.

## Pegaga



Pegaga atau dikenali juga sebagai antanan merupakan tumbuhan yang berbentuk ginjal dan berwarna hijau. Tumbuhan ini juga adalah tumbuhan yang boleh dikategorikan sebagai tumbuhan malar hijau yang tumbuh melata di atas tanah. Di Malaysia, pokok pegaga ini boleh dibahagikan kepada beberapa jenis yang berlainan seperti pegaga Cina, pegaga daun lebar, pegaga Kelantan, pegaga renek, pegaga salad, pegaga gajah dan pegaga Brunei. Pegaga merupakan salah satu tumbuhan yang popular khususnya di negara-negara di Asia Timur dan Asia Tenggara dengan dikenali sebagai ' Wira Ajaib Hutan Hujan Tropika'. Daun pegaga dikatakan sangat berkesan bagi mengurangkan panas badan dan juga digunakan sebagai salah satu bahan untuk menyihatkan tubuh badan. Selain itu, daun ini juga boleh digunakan untuk mengubati penyakit nyanyuk dan menguatkan daya ingatan. Dalam perubatan tradisional di negara Cina, pegaga dijadikan sebagai penawar bagi penyakit seperti selsema, sakit kuning serta penawar untuk keracunan cendawan atau gigitan ular. antara khasiat lain daun pegaga termasuklah penawar alahan, mengubati asma dan sesak nafas, jangkitan paru-paru, anti kanser, melawaskan kencing, mengubati penyakit buah pinggang, batu karang, kencing berdarah, ulser, melancarkan peredaran darah serta merawat penyakit cirit-birit. Pegaga juga dikatakan bermanfaat untuk mengembalikan seri wajah dan awet muda.

